
Urus saham dengan baik: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kerajaan negeri yang berminat menubuhkan saham amanah menguruskannya dengan baik bagi mengelak penyelewengan sehingga menjejaskan usaha kerajaan meningkatkan pembabitan Bumiputera.

Perdana Menteri berkata, keadaan ekonomi negara cukup baik membolehkan yayasan yang mengurus saham amanah berkenaan memperolehi keuntungan.

"Saya harap kerajaan yang mengadakan saham amanah, melaksanakannya dengan baik. Kita ada agensi yang mengawasi pelaburan kerajaan negeri dan Pusat dan jika didapati tidak baik, kita akan mengam-

bil tindakan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Tangan Emas pertandingan Johan Kemahiran kelima, di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, kecenderungan kerajaan negeri menubuhkan saham amanah sejak kebelakangan ini bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana sebelum ini pun memang ada yayasan yang mengadakan saham amanah, tetapi tidak begitu berjaya.

Katanya, ketika ini keupayaan kerajaan negeri mengurus yayasan seumpamanya dengan lebih baik manakala iklim ekonomi negara yang memberangsangkan membolehkan ia mendapat keuntungan.

"Satu masalah yang

kita hadapi ialah banyak syarikat dan perusahaan baru dibuka dan mereka mencari-cari penyertaan Bumiputera bagi memenuhi kuota 30 peratus.

"Disebabkan banyak syarikat baru dan perusahaan dan projek dimulakan, maka usaha mendapat penyertaan Bumiputera sukar kerana individu yang terbabit agak terhad kerana tidak berkemampuan.

"Sebab itu yayasan ini boleh menolong mengambil kuota yang diperuntukan kepada Bumiputera," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu Bumiputera dalam usaha sama projek baru berkenaan tidak sekadar sebagai rakan kongsi tidur semata-mata kerana ia cuma merugikan.